

Newspaper	Berita Harian
Date	16 May 2015

'Cabar diri capai potensi maksimum'

» *Belia kena buang sikap 'ala kadar' jika mahu kejayaan mantap: PM*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► **Putrajaya**

Belia perlu mempunyai sikap mencabar diri untuk mencapai potensi maksimum mereka bagi memastikan kejayaan lebih mem-

banggakan buat negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata belia tidak sepatutnya bersikap 'ala kadar' dan mudah puas hati dengan pencapaian sederhana, tanpa mencabar diri untuk mencapai potensi sebenar masing-masing.

Tambah pekerja berkemahiran tinggi

Katanya, antara matlamat Dasar Belia Malaysia ialah memaksimumkan potensi setiap belia kerana negara kini hanya mempunyai 23 peratus pekerja berkemahiran tinggi, bererti sebahagian besar tidak ada kemahiran atau berkemahiran sederhana.

"Kalau setiap belia menjadi pekerja berkemahiran tinggi, potensi negara dapat melonjak jauh. Contoh mudah ialah konsep *the last mile*, seseorang yang ada kemahiran kimpalan dari GiatMARA, kalau kerja mungkin dapat RM2,000 hingga RM3,000.

"Tapi jika kemahiran itu ditambah kelulusan lebih tinggi sedikit, dapat kerja pengimpal dasar laut dalam industri minyak dan gas, gajinya mungkin RM10,000," katanya berucap pada majlis Sambutan Hari Belia Negara 2015 dan pelancaran Dasar Belia Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamalud-

din Abu Bakar serta Presiden Majlis Belia Malaysia, Mua'amar Ghadafi Jamal Jamaludin.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara.

Kategori Pertubuhan Belia dimenangi Gerakan Belia 4B Cawangan Merlimau Pasir, Melaka, manakala kategori individu lelaki dan wanita masing-masing dimenangi Suhail Mohamed Kamaruddin dan Nurul Huda Mohamed Afandi.

Peruntukan lebih besar

Najib berkata, bagi mengoptimalkan kemahiran belia, kerajaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) akan menyediakan peruntukan lebih besar untuk pendidikan kemahiran dan teknikal.

"Malah, menerusi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang baharu, setiap kem akan menjadi pusat menjana belia berkemahiran tinggi, mempunyai semangat jati diri dan patriotisme tinggi bagi membangunkan negara" katanya.